



DR. MAHATHIR

Petroleum: Jaminan kepada pelabur²

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu pelabur asing hari ini, Kerajaan Malaysia akan memastikan segala kegiatan ekonominya tidak terjejas akibat kekurangan petrolum.

Bellau menegaskan, Kerajaan Malaysia memang berhasrat menjamin kegiatan ekonominya terus berjalan walaupun dunia sedang menghadapi krisis minyak.

"Sekiranya pembekal minyak mentah ke Malaysia tidak dapat memberi bekalan yang mencukupi untuk keperluan negara, Malaysia akan memproses minyak mentahnya sendiri untuk memenuhi keperluan tersebut," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika berucap di satu seminar galakan pelaburan anjuran Kerajaan Malaysia di Hong Kong. Ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengetuai delegasi galakan pelaburan ke Hong Kong.

Bellau memberitahu pelabur-pelabur bahawa Malaysia mempunyai potensi dalam perindustrian petro-kimia kerana negara ini mempunyai sumber-sumber minyak dan gas asil yang besar.

Sehingga penghujung tahun lalu, katanya lagi, Malaysia mempunyai sejumlah 24 telaga minyak dan 13 darinya telahpun memulakan pengeluaran.

Pengeluaran minyak mentah Malaysia dalam tahun 1978 meningkat kepada 79.2 juta tong atau jumlah purata sebanyak 217,000 tong sehari.

Empat tahun lagi, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, projek gas cecair asil, satu-satunya yang terbesar di dunia, akan memulakan pengeluarannya.

"Kami yakin dengan adanya sumber minyak dan gas asil ini, Malaysia akan mempunyai potensi dalam bidang pembangunan perindustrian petro-kimia yang besar artinya kepada Malaysia dan wilayah ini," tambahnya.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia kaya dengan sumber aslinya, tenaga manusia, infrastruktur dan mempunyai kekuatan ekonomi serta kestabilan politik dan kewangan.

Malaysia, kata bellau, memerlukan pengetahuan teknikal, kemahiran pengurusan, modal dan pasaran untuk terus memastikan perkembangan ekonominya yang berterusan.

2147
323/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia